

NO. SOALAN: 264

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

RUJUKAN : 8732

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kehilangan senjata api oleh PDRM mengikut model senjata api dan tahun sejak tahun 2011. Adakah tindakan hukuman telah diambil.

JAWAPAN:

Setiap kehilangan atau kerosakan terhadap aset Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilaporkan, sebuah Jawatankuasa Penyiasat akan ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah seksyen 79 Akta Polis 1967 untuk menyiasat kejadian tersebut. Panduan dan kaedah-kaedah siasatan berpandukan kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) A122 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Siasatan akan menjurus kepada sebab-sebab kehilangan dan syor bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang di masa hadapan. Hasil siasatan dan syor akan dinilai bagi menentukan tindakan yang patut diambil. Jika terdapat bukti wujudnya kecuaiannya maka pegawai yang bertanggungjawab akan diambil tindakan surcaj atau tatatertib atau kedua-duanya sekali.

Statistik kehilangan senjata api bagi tahun 2010 sehingga 2015 mengikut model seperti berikut:-

STATISTIK KEHILANGAN SENJATAPI BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2015

JENIS / TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
REVOLVER.38	7	3	5	8	10	16	49
PISTOL VEKTOR	2		1	1			4
PISTOL BROWNING	1	2		5			8
PISTOL WALTHER	5	3	5	16	10	8	47
HKMP5	1						1
PISTOL AUTO		1					1
STYER	2			2		1	5
M16	1			1	2		4
SIG SAUER	2			1	1	1	5
PISTOL GLOCK							
PISTOL BARETTA				1			1
YAVUS					1	1	2
LAIN-LAIN JENIS SENJATA API					1	1	2
JUMLAH	21	9	11	35	25	28	129

Statistik tindakan surcaj yang diambil terhadap anggota bagi tahun 2010 sehingga 2015 seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH ANGGOTA PDRM
2010	8	15
2011	3	3
2012	5	10
2013	14	28
2014	4	6
2015	3	6

PDRM sebagai sebuah organisasi yang besar, mempunyai aset yang banyak dan keanggotaan yang ramai. Sebagai langkah proaktif, Bahagian Teknologi Maklumat (IT) PDRM telah membangunkan sistem yang mengandungi sub-modul bagi pemantauan dan rekod kes-kes kehilangan aset PDRM bermula dari kehilangan berlaku sehingga ke peringkat tindakan diambil ke atas pegawai polis yang didapati cuai menyebabkan kehilangan aset.